



LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI **LJT 1C Pt 21 / (66)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

17 April 2020
23 Sya'aban 1441H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGOPERASIAN FIRMA JURUUKUR TANAH BERLESEN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana kita sedia maklum, pada masa ini negara sedang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. Selaras dengan pelaksanaan tersebut, kebanyakan sektor perniagaan terpaksa menutup operasi masing-masing termasuklah firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

3. Disamping memastikan keselamatan rakyat, Kerajaan juga turut mengambil langkah pro-aktif dan responsif dalam mengimbangi kelangsungan ekonomi negara serta mengelakkan kehilangan pekerjaan yang tinggi dikalangan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dibawah Sektor Perkhidmatan Profesional telah mengadakan sesi libat urus (*engagement*) bersama badan-badan profesional yang dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi mengenalpasti jenis-jenis perkhidmatan profesional yang dianggap penting dan perlu dan boleh diberi kebenaran beroperasi sepanjang tempoh PKP ini.

4. Lanjutan daripada itu, YB Menteri MITI dalam Siaran Media beliau pada 10 April 2020 telah mengumumkan beberapa sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3 termasuklah Juruukur Tanah. Kelulusan yang diberikan Kerajaan ini beserta dengan syarat tertentu yang mana antaranya adalah:

- i. Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Syarikat hendaklah mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti pengilangan yang kritikal;
- ii. Syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP dan memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis;
- iii. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis sebelum setiap shift atau operasi bermula
- iv. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembasmian kuman setiap kali sebelum digunakan; dan
- v. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah cemar premis, dan lain-lain kos yang berkaitan

5. Justeru itu, Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) memohon agar firma-firma JTB yang beroperasi sepanjang tempoh PKP ini dapat mematuhi arahan serta syarat yang telah digariskan oleh Kerajaan demi keselamatan kakitangan masing-masing. LJT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perkara yang berbangkit disebabkan oleh pengoperasian firma YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.


6. Dalam hubungan ini, LJT tidak akan memberikan sebarang bantuan kewangan kepada mana-mana kakitangan mahupun JTB yang dikuarantin atau dijangkiti COVID-19 kerana melaksanakan kerja disepanjang tempoh PKP ini. Bantuan kewangan bagi JTB yang dikuarantin akibat positif COVID-19 sepertimana dinyatakan di para 6 surat LJT bil. LJT 1C Pt 21/(57) bertarikh 6 April 2020 hanya terpakai kepada firma JTB yang tidak beroperasi sahaja.

7. Perhatian dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Bin Harun', written over a horizontal line.

(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia